

16 MAR 2004

Pilihan raya-Jentera

JENTERA PILIHAN RAYA BN CAPAI TAHAP MAKSIMUM

ALOR STAR, 16 Mac (Bernama) -- Jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) yang menampakkan pemulihan ke tahap maksimum adalah petanda baik BN mampu menambah kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum Ahad ini.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Taib berkata, keadaan berubah samasekali sejak hari ini kerana terdapat perasaan tidak puas hati di kalangan anggota selepas senarai calon BN diumumkan pada 11 dan 12 Mac lepas.

"Keadaan akan pulih sepenuhnya satu atau dua hari lagi dan jentera BN akan menjadi lebih efisien," katanya kepada pemberita selepas berucap kepada penyokong BN di markas BN Bukit Pinang di sini, hari ini.

Beliau berkata telah menjadi perkara biasa sejak lama lagi perasaan tidak puas hati di kalangan anggota khususnya mereka yang menjangka dipilih tetapi tidak terpilih sebagai calon.

Bagaimanapun beliau berpuas hati sekarang kerana anggota parti boleh menerima calon yang diputuskan pucuk pimpinan tertinggi parti berdasarkan maklumat yang diterima.

"Kelemahan BN mungkin kerana terdapat kekurangan yang membolehkan Pas atau pembangkang lain akan mengambil kesempatan mencelah tetapi mereka juga sedar sedang bertembong gelombang besar BN," katanya.

Beliau berharap jentera BN dapat memperkemaskan lagi usaha mereka serta tidak menggagalkan hati orang ramai dengan mengetepikan segala perbezaan pendapat.

Tambahnya, pembangkang khususnya Pas sedar kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan polisinya diterima majoriti rakyat negara ini manakala suasana pilihan raya 1999 dan sekarang telah berubah.

"Keadaan nampaknya memihak kepada BN manakala pembangkang hanya

mahu melihat perbalahan dalaman BN untuk mengatur strategi bagi mencapai kemenangan pada pilihan raya umum ini," katanya.

Sebelum itu semasa berucap kepada penyokong BN di markas itu, beliau berkata manifesto BN yang menggariskan halatuju dan matlamat kerajaan yang melihat ke hadapan hendaklah dinilai dengan rasional oleh rakyat.

UMNO sebagai tunggak kerajaan BN sedar tanggungjawab terhadap rakyat pelbagai kaum dan kerana itu manifestonya bagi melahirkan bangsa Malaysia yang gemilang, berbeza dengan manifesto parti Pas yang tidak banyak membawa pembaharuan, katanya.

Beliau berkata, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mensasarkan Malaysia menjadi negara maju pada 2020 dan kini Abdullah pula melihat bagaimana hendak menangani negara apabila mencapai tahap itu.

Katanya, perancangan yang dibuat menunjukkan wawasan kerajaan yang perlu ada kesinambungan.

Rakyat pula hendaklah bertanya kenapa Malaysia dipandang tinggi kebanyakan negara Islam di dunia dan menjadikan Malaysia negara Islam contoh, katanya.

-- BERNAMA

ZA BK